

KEKAL RELEVAN DALAM DUNIA NYATA

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan KLMUC menganjurkan program

'Trending, Lifestyle and Beyond'

Kuala Lumpur, 25 November 2016 – Selari dengan moto teras 'Aplikasi Dunia Nyata,' Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan dari Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) menganjurkan program *'Trending, Lifestyle and Beyond'* sebagai acara kemuncak kepada semua aktiviti pelajar dan fakulti.

Program ini dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat, Timbalan Pengarah Urusan, Pengiklanan dan Digital dari *Tourism Malaysia*, Dato' Sri' Abdul Khani Daud, beberapa pemain industri dan Naib Canselor KLMUC, En Kamal Nawawi. Demi mengangkat pendirian KLMUC tentang kepentingan menyediakan pendidikan yang holistik melalui hubungan kukuh dengan rakan industri dan institusi antarabangsa, satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) turut diadakan di antara KLMUC dan International Management Institute (IMI) dari Switzerland.

“Dengan adanya teknologi moden, kehidupan kita menjadi semakin mudah dan ini merangkumi semua aspek gaya hidup moden. Sama ada dari aspek kerja, percutian, makanan, kesihatan dan pelancongan, industri ini berdepan dengan permintaan yang kompetitif. Kami menanamkan dalam diri setiap pelajar tentang keperluan untuk bersaing dalam landskap yang dinamik ini. Dengan itu, mereka akan lebih bersedia apabila melangkah ke 'Dunia Nyata'” kata Encik Kamal Nawawi, Naib Canselor KLMUC.

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan turut mengadakan pelbagai pertandingan untuk membuktikan bahawa fakulti ini sentiasa berpegang kepada prinsipnya dalam memastikan ia kekal relevan dalam 'Dunia Nyata'. Pertandingan yang diadakan merangkumi bidang-bidang seperti pelancongan, pengurusan acara, seni pastri, seni kulinari, hospitaliti dan kesejahteraan. Pemenang bagi setiap pertandingan ini diumumkan pada acara kemuncak dalam program *'Trending, Lifestyle and Beyond'* ini.

Pujian juga harus diberikan kepada pelajar-pelajar dari Fakulti Senireka & Kreativiti kerana membantu dalam penghasilan video montaj, di mana video tersebut mempamerkan semua acara kemuncak fakulti dan aktiviti pelajar.

Di dalam program ini juga, chef selebriti tempatan yang disegani iaitu Chef Adu telah diperkenalkan selaku ikon rasmi KLMUC dan ini merupakan sebahagian daripada komitmen institusi untuk memupuk pelajar dengan kepakaran dan mendapatkan bimbingan dari profesional industri.

“Saya berbangga menyatakan bahawa KLMUC menyambut 10 tahun kecemerlangannya pada tahun ini dan tempoh sedekad ini membuktikan institusi kami telah melalui satu perjalanan yang jauh sejak penubuhannya. Dengan program sebegini, KLMUC diiktiraf dengan baik di kalangan rakan industri dan institusi antarabangsa termasuk Vincent Poland Universiti di Lublin, Merci Culinary, Triways Travel Network dan Istana Hotel. Ini meletakkan kami di dalam senarai institusi pengajian tinggi berkualiti yang berpatutan,” tambah Encik Kamal lagi.

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Hotel dan Restoran serta Pengurusan Pelancongan. Bagi mereka yang berminat dalam program diploma pula, fakulti ini turut menawarkan beberapa kursus seperti Seni Kulinari, Seni Pastri, Pengurusan Acara, Pengurusan Pelancongan dan Fisioterapi.

Untuk maklumat lanjut, layari: www.klmuc.edu.my.

TAMAT

Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih kurang 40 program di bawah 4 fakulti dan sebuah pusat bahasa. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my

Mengenai Kumpulan Cosmopoint

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Pemasaran & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Pemasaran & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my